



13 NOV 1963

PARIT: Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak dan Raja Perempuan-nya di-gambar sedang menyantap pulut kuning di-Makam di-Raja Al-Marhum Raja Muzafer Shah yang pertama, ketika Baginda menziarahi makam itu di-Tanah Abang, Ayer Mati, Telok Bakong.

Penulis menyusun buku sejarah Sultan2 Perak

13 NOV 1963

SA-ORANG yang berketurunan Tun Perak ia-itu salah sa-orang dari Bendahara2 Melaka pada zaman silam — di-sini telah berjaya menghasilkan sa-buah buku sejarah Sultan2 di-negeri Perak.

Beliau ia-lah Toh Muda Haji Mior Shamsuddin yang di-anggap sa-bagai sa-orang yang mengetahui akan asal usul Sultan2 Perak.

Buku sejarah itu — Hulu Perak dalam sejarah — di-terbitkan untuk mengambil sempena pertabalan Sultan Perak yang baharu, Sultan Idris Shah pada hujung bulan

SAUK, Thalatha

yang lalu.

Menurut kandongan buku itu, Sultan2 Perak ada-lah berketurunan dari Sultan Muzaaffar Shah ia-itu putera kepada Sultan Mahmud Shah yang akhir sa-kali memerintah Melaka.

B.H.

Keturunan

Buku itu sa-lanjutnya mencheritakan bahawa Sultan Mahmud Shah itu berketurunan dari Raja Iskandar Zulkarnain yang

tiga orang chuchu-nya telah turun di-Bukit Sungtang saperti yang tersebut dalam "Sejarah Melayu".

Buku itu juga mengesahkan keturunan orang2 besar Perak. Menurutnya, orang2 besar Perak berasal dari Tun Saban, anak kepada Bendahara Tun Perak.

Tun Saban telah membuka daerah Hulu Perak dan menjadikan "negeri" tempat itu untuk orang2 yang lari dari Melaka manakala Melaka di-kalahkan oleh Portugis pada tahun 1511. Makam Tun Saban itu maseh terdapat di-daerah Hulu Perak.